

APO-TICLOPIDINE

Ticlopidine Hydrochloride (250mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Ticlopidine
2. Bagaimana Apo-Ticlopidine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Ticlopidine
4. Cara menggunakan Apo-Ticlopidine
5. Semasa menggunakan Apo-Ticlopidine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Ticlopidine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Ticlopidine

Apo-Ticlopidine digunakan untuk mengurangkan risiko strok bagi orang-orang yang telah mengalami strok atau mempunyai faktor risiko strok yang tertentu.

Bagaimana Apo-Ticlopidine berfungsi

Apo-Ticlopidine tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dipanggil perencat pengagregatan platelet atau antiplatelets.

Apo-Ticlopidine mengurangkan keupayaan platelet darah melekat antara satu sama lain dan kepada dinding saluran darah. Tindakan ini mengurangkan kecenderungan darah membeku di tempat-tempat yang tidak diingini seperti dalam saluran darah yang sempit.

Sebelum menggunakan Apo-Ticlopidine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Apo-Ticlopidine jika anda:
- alah kepada Ticlopidine Hydrochloride atau sebarang isi kandungan ubat ini.

- mempunyai keadaan perubatan tertentu seperti:

- * gangguan hematopoietik (sejenis penyakit sel darah)
- * kehadiran masalah *hemostatic* (Mekanisme perencat pendarahan terganggu)
- *situasi yang berkaitan dengan

pendarahan secara aktif (seperti pendarahan ulser dalam perut atau otak)
* masalah hati yang teruk.

Sentiasa berunding dengan doktor sebelum anda mempertimbangkan pengambilan ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Ticlopidine jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Ticlopidine jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan Apo-Ticlopidine

Beritahu doktor jika anda baru sahaja mengalami trauma kerana terdapat risiko pendarahan yang tidak normal jika Apo-Ticlopidine diberikan kepada anda.

Doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan lain atau mana-mana sejarah perubatan yang melibatkan jantung, hati, atau sebarang gangguan darah yang dikenali.

Terdapat keadaan penyakit tertentu yang akan memudaratkan anda jika anda mengambil ubat ini tanpa memberitahu doktor anda.

Rujuk kepada "Bila tidak boleh menggunakan" untuk keadaan tertentu yang mungkin menyebabkan kemudaratan kritikal kepada anda.

Anda juga harus memberitahu doktor anda jika anda akan menjalani dan / atau baru sahaja melakukan apa-apa pembedahan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain,

termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Terdapat ubat yang mungkin mengganggu fungsi Apo-Ticlopidine apabila diambil bersama-sama, antaranya adalah:

- Ubat antiplatelet lain
- Ubat *Non-Steroid Anti-Inflammatory* (NSAID) yang biasa digunakan untuk kesakitan dan keradangan
- *Warfarin* (agen pencairan darah)
- *Theophyllin* (ubat yang digunakan untuk asma)
- *Digoxin* (untuk masalah jantung)
- *Cimetidine* (untuk masalah gastrik)

Sila rujuk kepada doktor / ahli farmasi anda senarai lengkap ubat-ubatan yang boleh berinteraksi dengan Apo-Ticlopidine jika diambil bersama-sama.

Cara menggunakan Apo-Ticlopidine

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos yang disyorkan untuk Apo-Ticlopidine adalah 250mg dua kali sehari

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil Apo-Ticlopidine dengan makanan. Apo-Ticlopidine perlu diambil dengan makanan untuk mengurangkan gangguan gastro-usus.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Apo-Ticlopidine

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Ticlopidine.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Ticlopidine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Apo-Ticlopidine boleh menyebabkan
 - *Neutropenia* (pengurangan sel-sel darah putih yang akan mengakibatkan demam, perasaan sejuk, sakit tekak)
 - *Thrombocytopenia* (pengurangan platelet darah yang akan meningkatkan risiko pendarahan)
 - *Anemia* (kurang sel darah merah)
 - *Purpura* (bintik merah atau ungu yang boleh dilihat melalui kulit anda)
 - Gangguan pendarahan (seperti pendarahan yang luar biasa, lebam, najis berwarna gelap).

Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengesan sebarang perkara di atas berlaku kepada anda. Doktor akan menentukan sama ada anda perlu berhenti mengambil Apo-Ticlopidine.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Ticlopidine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang biasa termasuk ketidakselesaan perut, loya, cirit-birit atau ruam kulit.

Kesan sampingan yang lain termasuk keabnormalan hati dan *jaundice* (air kencing gelap dan najis berwarna lebih cerah daripada biasa)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

portal.bpfk.gov.my (Consumers →Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Ticlopidine

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan antara suhu 15-25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bujur, warna putih, dwi-cembung, bersalut filem, perkataan "APO" ukir pada satu permukaan dan "250" pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ticlopidine Hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, croscarmellose sodium, stearic acid, hydroxypropyl methylcellulose, polyethylene glycol, titanium dioxide dan carnauba wax.

- Nombor MAL

MAL 20021575A

Pengilang

Apotex Inc.
 150 Signet Drive
 Weston Toronto Ontario
 M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
 2, Jalan PJU 3/49
 Sunway Damansara
 47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

12/8/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)060515/00094